

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 29 JANUARI 2014 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Wujudkan kerjasama dalam industri kreatif	KOSMO
2.	Juara reka bentuk	Utusan Malaysia
3.	Wujudkan perkongsian pintar pereka, industri	Utusan Malaysia
4.	Aktiviti reka cipta perlu dimanfaatkan	Harian Metro
5.	Muhyiddin saran pereka bentuk dan industri bekerjasama bangunkan produk	Bernamea.com
6.	Guru baru mula tugas Mac	Berita Harian
7.	Rekabentuk sebagai pemangkin daya saing negara di peringkat global	Berita Harian
8.	Design enhances global competitiveness	New Straits Times
9.	Be like Jobs, DPM tells designers	New Straits Times
10.	Remaja dituduh bunuh Noor Syafikah	Berita Harian
11.	Amaran angin kencang dan laut bergelora sehingga Khamis	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 29 JANUARI 2014 (RABU)

Wujudkan kerjasama dalam industri kreatif

KUALA LUMPUR - Tan Sri Muhyiddin Yassin menggesa supaya perkongsian pintar diwujudkan antara pereka bentuk tempatan dan penggiat industri bagi membolehkan idea yang dihasilkan diterjemah kepada bentuk dan produk yang boleh memberi manfaat kepada rakyat dan negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata, langkah itu bagi memastikan idea kreatif dan inovatif yang diketengahkan pereka bentuk tempatan khususnya pelajar di peringkat pengajian tinggi tidak menjadi idea semata-mata.

"Saya sedar tidak mudah untuk mendapatkan komitmen daripada industri kerana ia melibatkan risiko tinggi dari segi kewangan dan sebagainya.

"Tetapi jika ia diatur dengan teliti, pasti risiko itu dapat diatasi dengan baik," katanya pada Majlis Penyampaian Hadiah Cabaran Reka Bentuk Nasional 2013 (Peringkat Universiti) di sini semalam.

Turut hadir ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), Datuk Dr. Ewon Ebin dan Pengerusi Majlis Reka Bentuk Malaysia, Prof. Datuk Dr. Ahmad Zainuddin.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (ALBUM HARI INI) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 29 JANUARI 2014 (RABU)



JUARA REKA BENTUK

LUQMAN Hamidi Mohd. Hafil (kiri) bersama rakannya, Badrul Hisyam Baharom gembira sambil menunjukkan trofi selepas memenangi tempat pertama Cabaran Reka Bentuk Nasional Peringkat Universiti di Kuala Lumpur, semalam. Produk rekaan mereka bertajuk 'Triangle Flexible Barber' bagi menggantikan kon keselamatan. - UTUSAN/AMIR HAFIZ ABD. RAHMAN

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 29 JANUARI 2014 (RABU)

Wujudkan perkongsian pintar pereka, industri

Oleh HUSSAINI AMRAN

hussaini.amran@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 28 Jan. - Perkongsian pintar perlu diwujudkan antara pereka dan pihak industri agar idea yang diketengahkan dapat diterjemahkan kepada produk yang bermanfaat.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, usaha itu jika diatur dengan teliti berupaya mengatasi risiko tinggi termasuk kewangan yang menjadi keimbangan pihak industri.

Menurut beliau, agensi kerajaan seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi diharap dapat memberi keutamaan kepada usaha berkenaan melalui penyediaan dana yang bersesuaian.

"Pihak industri yang berminat

bolehlah diajak berunding bersama sehingga idea-idea tersebut mampu dikomersialkan.

"Saya yakin kita akan dapat melihat wujudnya situasi menang-menang di antara pereka, agensi perkhidmatan awam dan industri yang boleh menyumbang terhadap peningkatan sosio ekonomi negara," katanya berucap merasmikan Majlis Penyampaian Hadiah Cabaran Reka Bentuk Nasional 2013 (Peringkat Universiti) di Menara Matrade di sini, hari ini.

Yang turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ibin dan Pengerusi Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM), Prof. Datuk Dr. Ahmad Zainuddin.

Muhyiddin turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Rekaan 'TriFbar' yang dihasil-

kan dua penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM), Badrul Hisyam Baharom dan Luqman Hamidi Mohd. Hafil memenangi tempat pertama dengan membawa pulang RM20,000, trofi dan sijil penghargaan.

Pemenang tempat kedua ialah Mohamad Afif Aiman Mohammad Yusof dan Muhammad Alif Abu Ramli dari UiTM dengan rekaan 'CYSPO' manakala tempat ketiga milik Noor Syuhada Husni dan Vivian Lam Shi Wei dari Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) yang menghasilkan rekaan 'Smiley Barricade'.

Masing-masing menerima RM15,000 dan RM10,000 di samping trofi serta sijil penghargaan.

Timbalan Perdana Menteri menambah, Malaysia boleh mencontohi negara-negara seperti Fin-

land, Sweden, Jerman, Korea Selatan, Jepun serta Taiwan bagi menyediakan platform yang sesuai untuk membudayakan aktiviti reka bentuk dalam masyarakat.

Beliau memberitahu, kerajaan juga bersedia memberi perhatian terhadap cadangan untuk menjadikan aktiviti reka bentuk sebagai salah satu agenda strategik negara.

"Usaha MRM untuk mewujudkan Polisi Rekabentuk Nasional sebagai langkah yang harus dipuji demi kelangsungan reka bentuk di negara ini," ujarnya.

Muhyiddin yakin polisi tersebut mampu melonjakkan kedudukan negara dalam Forum Ekonomi Dunia (WEF) bagi daya saing global ke kedudukan yang lebih baik berbanding tangga ke-25 tahun lalu.

Aktiviti reka cipta perlu dimanfaatkan

Kuala Lumpur: Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu perkongsian pintar antara pereka bentuk tempatan dan industri diwujudkan supaya kelangsungan aktiviti reka cipta dapat dimanfaatkan oleh rakyat serta negara.

Beliau berkata, langkah itu bagi memastikan idea kreatif dan inovatif diletakkan khususnya di kalangan pelajar pusat pengajian tinggi tidak menjadi idea semata-mata, sebaliknya diterjemahkan kepada bentuk dan produk.

"Saya sedar tidak mudah untuk mendapatkan komitmen daripada industri kerana ia membabitkan risiko tinggi dari segi kewangan dan sebagainya. Tetapi jika ia diatur dengan teliti, pasti risiko itu dapat diatasi dengan baik," katanya pada Majlis Penyampaian Hadiah Cabaran Reka Bentuk Nasional 2013 (Peringkat Universiti), semalam.

Turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Ewon Ebin dan Pengerusi Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) Datuk Prof Dr

Ahmad Zainuddin.

Muhyiddin berkata, agensi kerajaan berkaitan, khususnya MOSTI diharap memberi keutamaan kepada usaha itu melalui penyediaan dana yang bersesuaian untuk membangunkan idea diketengahkan.

Katanya manakala pihak industri yang berminat boleh diajak berunding bersama sehingga idea-idea itu mampu dikomersialkan.

"Saya yakin kita akan dapat melihat wujudnya situasi menang-menang antara pereka, agensi perkhidmatan awam dan industri yang boleh menyumbang terhadap peningkatan sosioekonomi negara," katanya.

Beliau difahamkan melalui kaji selidik MRM pada tahun lalu, taburan pereka paling ramai ialah di Selangor.

Katanya, data itu jelas menunjukkan sebahagian besar tumpuan aktiviti reka bentuk adalah di kawasan Lembah Klang.

"Saya percaya ia boleh diperluaskan lagi di beberapa kawasan pembangunan koridor yang lain," katanya.

FAKTA
MOSTI diharap
sedia dana
bersesuaian



Muhyiddin Saran Pereka Bentuk Dan Industri Bekerjasama Bangunkan Produk

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin menggesa supaya perkongsian pintar diwujudkan antara pereka bentuk tempatan dan penggiat industri bagi membolehkan idea yang dihasilkan diterjemah kepada bentuk dan produk yang boleh memberi manfaat kepada rakyat dan negara.

Timbalan perdana menteri berkata langkah itu bagi memastikan idea kreatif dan inovatif yang diketengahkan pereka bentuk tempatan khususnya pelajar di peringkat pengajian tinggi tidak menjadi idea semata-mata.

"Saya sedar tidak mudah untuk mendapatkan komitmen daripada industri kerana ia melibatkan risiko tinggi dari segi kewangan dan sebagainya.

"Tetapi jika ia diatur dengan teliti, pasti risiko itu dapat diatasi dengan baik," katanya pada Majlis Penyampaian Hadiah Cabaran Reka bentuk Nasional 2013 (Peringkat Universiti) di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Datuk Dr Ewon Ebin dan Pengerusi Majlis Reka bentuk Malaysia Datuk Prof Dr Ahmad Zainuddin.

Muhyiddin berkata agensi kerajaan berkaitan khususnya Mosti diharap memberi keutamaan kepada usaha itu melalui penyediaan dana yang bersesuaian untuk membangunkan idea-idea yang telah diketengahkan.

Katanya pihak industri yang berminat boleh diajak berunding bersama sehingga idea-idea itu mampu dikomersilkan.

"Saya yakin kita akan dapat melihat wujudnya situasi menang-menang antara pereka, agensi perkhidmatan awam dan industri yang boleh menyumbang terhadap peningkatan sosioekonomi negara," katanya.

Muhyiddin berkata reka bentuk kini tidak boleh lagi dipandang sebagai kosmetik semata-mata tetapi boleh dimanipulasi peranannya untuk membentuk dan memajukan ekonomi serta sosiobudaya sesebuah negara.

Beliau berkata Malaysia boleh mempelajari daripada negara-negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Filipina yang begitu aktif meneroka industri reka bentuk untuk memastikan produk yang dihasilkan mempunyai nilai tambah dan menjadi perhatian pengguna.

Pada majlis itu, gabungan pereka muda dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) iaitu Badrul Hisyam Baharom dan Luqman Hamidi Mohd Hafil dinobatkan sebagai juara pertandingan dengan ciptaan Triangle Flexible Barrier (TriFbar).

Idea inovatif berupa kon keselamatan boleh laras itu bertujuan mengurangkan kemalangan jalan raya terutama ketika kerja membaiki jalan raya dilakukan.

Kemenangan itu melayakkan mereka menerima RM20,000, trofi dan sijil yang disampaikan timbalan perdana menteri.

Pertandingan itu turut menyaksikan pelajar dari UiTM, Mohamad Afif Aiman Mohammad dan Yusof @ Muhammad Alif Abu Ramli muncul naib juara dengan rekaan Cylinder Signage for Potholes (Cyspo) manakala pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) Noor Syuhada Husni dan Vivian Lam Shi Wei merangkul tempat ketiga dengan ciptaan Smiley Barricade.

-- BERNAMA

Guru baru mula tugas Mac

» *Graduan tamat pengajian selepas September lalu ditempatkan ikut kekosongan*

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
dan Mohd Hamizar Hamid
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Semua lepasan institusi perguruan yang menamatkan pengajian sebelum Ogos lalu, akan ditempatkan untuk tugas di sekolah selewat-lewatnya Mac ini.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata pengisian dapat dilakukan kerana ketika ini ada kekosongan jawatan susulan guru menamatkan perkhidmatan dan bersara wajib.

"Soal pengisian jawatan sudah diselesaikan kementerian dua hari lalu, membabitkan 8,000 kekosongan yang sudah diisi graduan perguruan. Baki beberapa ratus lagi graduan yang menamatkan pengajian mereka selepas September lalu pula, akan ditempatkan mengikut kekosongan selepas Mac nanti.

"Kementerian tidak dapat menempatkan mereka tahun lalu berikutan sambungan tempoh perkhidmatan selain tempoh persaraan guru yang sudah dilanjutkan," katanya selepas menyampaikan Perutusan 2014 kementeriannya serentak pelancaran logo baru kementerian itu, di sini semalam.

Mohon kolej vokasional

Sementara itu, katanya, kementerian mahu meningkatkan sehingga 20 peratus pelajar vokasional dan teknikal bagi mengisi keperluan tenaga kerja

terlatih, malah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak turut meluluskan peruntukan untuk meningkatkan pembangunan sektor itu selain mahu aliran terbabit diperluaskan ke lebih banyak sekolah.

"Kami melihat pelajar sudah menunjukkan kecenderungan tinggi terhadap bidang pendidikan berkenaan. Tahun lalu, 126,000 pelajar memohon ke kolej vokasional kementerian, namun hanya 20,000 yang dapat ditampung buat masa ini," katanya.

Berucap pada majlis penyampaian hadiah Cabaran Rekabentuk Nasional 2013 (Peringkat Universiti) di ibu negara selepas itu, Timbalan Perdana Menteri meminta pengamal industri dan pereka menjalin perkongsian pintar

supaya setiap idea dapat diterjemah kepada produk yang mampu memberi manfaat kepada rakyat dan negara.

Bangunkan idea baru

Sehubungan itu, Muhyiddin berharap agensi berkaitan seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dapat memberi keutamaan kepada usaha berkenaan menerusi penyediaan dana bersesuaian bagi membangunkan idea baru.

"Saya sedar tidak mudah mendapatkan komitmen pengamal industri kerana ia membabitkan risiko tinggi dari segi kewangan, namun jika diatur dengan teliti, pasti risiko itu akan dapat diatasi dengan baik," katanya sambil menambah, kerajaan memang memberikan perhatian

khusus terhadap bidang kreativiti dan inovasi.

Pada majlis itu, pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM), Badrul Hisyam Baharom, 22, dan Luqman Hamidi Mohd Hafil, 22, meraih tempat pertama dengan ciptaan 'TriFbar', inovasi menggantikan kon keselamatan jalan raya yang mampu mengurangkan kemalangan.

Tempat kedua dimenangi pasangan Mohamad Afif Aiman Mohammad Yusof, 23, dan Muhammad Alif Abu Ramli, 22, juga dari UiTM, manakala pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Noor Syuhada Husni, 23, dan Vivian Lam Shi Wei, 24, ketiga. Pemenang pertama membawa pulang RM20,000, kedua RM15,000 dan ketiga RM10,000.



Muhyiddin melihat hasil rekaan pada majlis penyampaian hadiah Cabaran Rekabentuk Nasional 2013 (Peringkat Universiti) di ibu negara, semalam. Turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin (tengah).
(FOTO EFFENDY RASHID/BH)

Rekabentuk sebagai pemangkin daya saing negara di peringkat global

"Untuk sesebuah negara kekal kompetitif dalam persaingan ekonomi global, serta bergerak selari dengan perubahan teknologi inovasi dan mampu melepasi ancaman perubahan iklim, kita harus beralih dan menumpukan kepada peranan rekabentuk."

Rekabentuk kini tidak boleh lagi dipandang sebagai kosmetik semata-mata kerana peranannya sangat penting dan relevan dalam membentuk dan memajukan ekonomi dan sosio-budaya sesebuah negara."

YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin

Timbalan Perdana Menteri Malaysia

28 Januari 2014
Majlis Penyampaian Hadiah Cabaran Rekabentuk Nasional 2013
(Peringkat Universiti)




KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI
DAN INOVASI MALAYSIA



MAJLIS REKABENTUK MALAYSIA

www.mrm.gov.my



Design enhances global competitiveness

"For a country to remain competitive globally as well as keeping up with the technological and innovation changes, we need to turn and focus on the role of design."

*Nowadays, **design** cannot be seen as purely cosmetic as it has a significant and relevant role in shaping and advancing a country's economic and socio-cultural."*

YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin

The Right Honourable
Deputy Prime Minister

National University Design Challenge 2013
Prize Giving Ceremony
28 January 2014

MOSTI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY
AND INNOVATION

MRM
MAJLIS REKABENTUK MALAYSIA
www.mrm.gov.my



Be like Jobs, DPM tells designers

'VITAL ECONOMIC ROLE': Industry can shape Malaysia's future, says Muhyiddin

ROZANNA LATIFF
KUALA LUMPUR
rozanna@nst.com.my

DESIGNING activities should form part of the government's national strategic agenda for the country to remain globally competitive, said Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin.

He said yesterday efforts by the Malaysia Design Council (MRM) to draw up a national design policy should be supported for the industry to play a larger role in the country's development.

"I believe the existence of this policy could improve our performance on the World Economic Forum's Global Competitiveness Report, where we placed 25th last year," he said at the National Design Challenge 2013 (university level) award ceremony at Matrade Hall here.

Muhyiddin said to remain competitive, the country should develop in tandem with technology and innovation shifts, as well as prepare itself for challenges, such as climate change.

As such, he said, the design industry must turn towards activities that could bring benefit to the people.

"Designing can no longer be seen as concerned only with cosmetics, but instead should play a larger role in shaping and developing the country's economy, society and culture."

Muhyiddin also called on Malaysia's design practitioners to emulate the late founder of Apple, Steve Jobs, whose design products, such as the iPad, had continued to attract users from around the world.

"I am confident there are many Malaysians who are just as creative as Jobs."

"But, at the same time, we need many more local designers who can attract the attention of users from various backgrounds, as well as those who can serve as mentors to younger designers."

He presented awards to the 20 winners of the National Design Challenge, which was open to students from nine higher education institutions nationwide.

The first-place award, which included RM20,000, was won by Badrul Hisyam Baharom and Luqman Hamidi Mohd Hafil of Universiti Teknologi Mara for their design, the TriFbar (Triangle Flexible Barrier).

The TriFbar is an adjustable barrier that can be used to reduce road accidents near or around areas where roadworks are being conducted.

Present were Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ibin, ministry deputy secretary-general (policy) Datuk Dr Azhar Mohd Yahya and MRM chairman Prof Datuk Dr Ahmad Zainuddin.

KES KEMATIAN TIGA BERADIK

Remaja dituduh bunuh Noor Syafikah

» Rakan
dibebaskan
dengan
jaminan

Oleh Nahar Tajri
nahar@bh.com.my

Alor Setar

Seorang daripada dua remaja lelaki yang ditahan polis susulan kematian tiga beradik dari Alor Semela di sini pada November lalu, dihadapkan ke Mahkamah Majistret semalam, atas tuduhan membunuh.

Tertuduh, Mohd Firdaus Mohd Faridul, 19, yang tinggal sekampung dengan mangsa, didakwa membunuh Noor Syafikah Nadia Abdullah, 14, anak sulung kepada tiga beradik malang itu.

Dia didakwa menyebabkan kematian mangsa dalam kejadian di Kampung Alor Senibong, Mukim Tajar, antara jam 9.30 hingga 11.30 malam pada 29 November tahun lalu.

Tertuduh didakwa melakukan pembunuhan itu mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan, yang sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman mati mandatori.

Prosiding pendakwaan diketuai Timbalan Pendakwa Raya Nor Hasnita Wan Daud, berlangsung di hadapan Majistret Mohd Khairul Hafizuddin Ramli, manakala tertuduh belum diwakili peguam bela.

Tertuduh dibawa ke mahkamah dengan berpakaian kemeja-T kuning dan berseluar jeans, kelihatan menganggu tanda memahami pertuduhan dikenakan terhadapnya.

Ketika itu, beberapa individu yang turut berada dalam mahkamah dipercayai ahli keluarga tertuduh, kelihatan menundukkan kepala sambil menahan sebak. Ada di antara mereka menitikiskan air mata.

Majistret tidak merekodkan sebarang pengakuan daripada tertuduh sejurus pertuduhan dibacakan, sebaliknya menetapkan 4 Mac ini sebagai tarikh sebutan semula kes itu, sementara menunggu laporan penuh Jabatan Kimia dan siasatan forensik.



Mohd Firdaus dihadapkan ke Mahkamah Alor Setar atas tuduhan membunuh Noor Syafikah.
[FOTO AMRAN HAMID/BH]

Arah lantik peguam bela
Mohd Khairul Hafizuddin turut mengarahkan tertuduh supaya melantik peguam bela bagi mewakilinya dalam perbicaraan yang akan berlangsung.

Sementara itu, seorang lagi remaja berusia 19 tahun yang turut ditahan polis bersama tertuduh pada 15 Januari lalu, bagi membantu siasatan pembunuhan terbabit dibebaskan dengan jaminan mulai semalam.

Nor Hasnita ketika ditemui selepas prosiding Mahkamah Majistret itu, mengesahkan jaminan terbabit.

Mengulas kematian dua lagi adik mangsa, beliau berkata, setakat ini, arahan pendakwaan hanya membabitkan pem-

bunuhan Noor Syafikah, manakala selebihnya bergantung kepada siasatan.

Mayat Noor Syafikah ditemui dalam kawasan bendang terbiar di Alor Senibong, pada petang 30 November lalu.

Mayat dua adiknya iaitu Nur Izzati Husna Rusdi, 12, dan Puteri Nurul Akma, 3, ditemui terapung dalam tali air di Padang Petani, kira-kira 24 jam kemudian.

Selepas lebih sebulan berlalu, polis mengesan dua remaja berusia 19 tahun sebagai suspek, sebelum mereka ditahan di Kampung Gelam pada 15 Januari lalu, membolehkan motif dikenal pasti seterusnya memperoleh bahan bukti dan menyelesaikan siasatan kes itu.